



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KEMPEN KITA JAGA JALAN KITA

**KUALA LUMPUR** – Kempen Kita Jaga Jalan Kita telah dilancarkan secara maya menerusi platform Facebook rasmi Kementerian Kerja Raya petang ini. Kempen tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof.

Objektif utama kempen ini ialah bagi memperkukuhkan visi Kementerian Kerja Raya sebagai peneraju pembangunan infrastruktur negara, dengan misi memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan disenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi.

Kempen ini juga bertujuan untuk memupuk semangat bersama memelihara jalan raya yang merupakan infrastruktur yang digunakan secara bersama. Demi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya, orang ramai diminta untuk menyalurkan aduan berkenaan kerosakan jalan raya kepada saluran aduan rasmi agar tindakan dan maklumbalas dapat diberikan segera. Senarai saluran aduan rasmi adalah seperti berikut:

- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA KKR, JKR, CIDB & LLM)
- E-mel aduan Kementerian Agensi
- Hadir Sendiri ( Borang Kaunter )
- Surat
- Faks
- Telefon/Talian Bebas Tol Agensi -1800-88-7752 (LLM) & 1 300 888 557 JKR)
- Facebook
- Twitter
- Akhbar (Surat Kepada Pengarang)

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR.MALAYSIA](https://www.facebook.com/KKR.MALAYSIA) 🐦 [@MOWORKS](https://twitter.com/MOWORKS) 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

- Biro Pengaduan Awam & Aplikasi Rakyat Responze (BPA)
- Malaysia Government Call Centre (MYGCC)

Sistem Aplikasi Pemantauan Potholes (ASaPP) juga akan dilancarkan bagi memantau *potholes* secara atas talian. Aplikasi ini akan digunakan oleh pegawai-pegawai JKR dan juga syarikat Konsesi bagi tujuan pemantauan kewujudan *potholes* pada Jalan Persekutuan. Sistem ini dapat membantu memperkemaskan sistem kerja pemantauan Potholes di Jalan Persekutuan agar kerja-kerja pembaikan kerosakan jalan dapat dilaksanakan dengan segera, menyeluruh dan teratur.

Sehingga 15 November 2021 sebanyak 64,333 bilangan *potholes* telah ditampal oleh pihak Konsesi Jalan Persekutuan seluruh Malaysia. Kementerian Kerja Raya telah menetapkan KPI Penyenggaraan pothole bagi menampal lubang (*potholes patching*) di Jalan Persekutuan dalam tempoh 24 jam selepas aduan atau penemuan diterima.

Menerusi Belanjawan 2022, Kementerian Kerja Raya memperolehi sebanyak RM1.5 bilion bagi program senggara di seluruh Malaysia. Program senggara ini melibatkan Jalan Persekutuan, pembaikan dan penyenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan, penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan, penyenggaraan kuarters Milikan KKR, penyenggaraan dan pembaikan kecil jambatan serta penyenggaraan elektrik dan lampu isyarat di Jalan Persekutuan. Sebanyak RM200 juta juga telah diperuntukkan bagi projek-projek berskala kecil khusus untuk penyertaan Bumiputera.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**  
**23 NOVEMBER 2021**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur